

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR]

**TARIKH :** 9 APRIL 2014

**SOALAN:**

Y.B. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan rumah penyembelihan ayam dan pembekalan kepada pasaran di negara ini mengikut syarak bagi memastikan umat Islam mendapat bekalan ayam yang benar-benar HALAL; dan
  
- b) berapa buah penyembelihan ayam dimiliki oleh Pengusaha Bumiputera Muslim di negeri Perlis, khususnya di Padang Besar.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang berhormat, rumah sembelihan merupakan salah satu daripada skim pensijilan halal di bawah MS1500:2009. Bagi memastikan rumah penyembelihan ayam melakukan penyembelihan halal dan mengikut hukum syarak, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- i. Pemakaian Standard Halal Malaysia MS1500:2009 yang memberikan garis panduan terhadap pengendalian produk makanan termasuk sembelihan merangkumi tanggungjawab pengurusan, premis, peralatan, mesin dan alat bantuan, kebersihan dan keselamatan makanan, proses makanan halal (sumber, sembelihan, pengendalian, pengedaran dan penyediaan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penyediaan makanan halal dan pembungkusan, pelabelan serta pengiklanan).
  - ii. Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia hanya kepada pengusaha rumah sembelihan yang mematuhi Prosedur

Pensijilan Halal Malaysia dan MS1500:2009. Antara syarat-syaratnya ialah:

- mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan;
- menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalaman yang dipengerusikan oleh seorang Muslim warganegara tempatan dan jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memastikan keperluan halal dipatuhi pada setiap masa;
- melantik seorang Eksekutif Halal beragama Islam warganegara tempatan yang bertanggungjawab untuk memastikan keperluan halal dipatuhi pada setiap masa;
- melantik penyembelih yang memiliki Tauliah Sembelihan daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN);
- melantik pemeriksa (*checker*) yang memiliki Tauliah Sembelihan yang bertanggungjawab memastikan proses sembelih menepati syarak; dan
- mematuhi semua keperluan yang digariskan dalam MS1500:2009

- ii. Pengendalian Kursus Sembelihan dan pengeluaran Tauliah Sembelih oleh JAIN kepada penyembelih yang berkhidmat dengan mana-mana rumah sembelihan di negara ini.

- iii. Pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala atau berdasarkan aduan menegenai rumah sembelihan yang telah disahkan halal/ pasar terbuka dibuat bagi memastikan proses sembelihan ayam dilaksanakan mengikut syarak dan undang-undang yang berkuatkuasa. Pemantauan ini dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama JAIN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan
  - iv. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Jaminan Halal diwajibkan oleh JAKIM dan perlu dipatuhi pada setiap masa di bawah pemantauan Jawatankuasa Halal Dalaman syarikat.
- (b) Jumlah rumah sembelihan ayam yang berdaftar di dalam rekod JAKIM di bawah milikan Bumiputra di negeri Perlis hanya satu iaitu Asitah binti Darus yang beralamat di 10-A Kawasan Pasar Borong Kg. Bakau, 01000 Kangar, Perlis dan tarikh sah Sijil Pengesahan Halal Malaysia ialah 15 Ogos.2012 hingga 14 Ogos.2014.

Sekian, terima kasih.